

CNS7083

UJ PR 22-05 00165 NA947

aah

Mahathir-PRDS !!!

KUCHING, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dari Sarawak supaya mengurangkan sebarang perselisihan di antara mereka menjelang pilihanraya negeri yang harus diadakan selewat-lewatnya Julai tahun depan.

+Mereka hendaklah mencari jalan menyelesaikan apa-apa masalah sesama mereka dengan semangat perpaduan,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mesyuarat kabinet persekutuan di sini hari ini.

Terdapat empat parti dari Sarawak menganggotai BN pusat tetapi hanya tiga sahaja iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PRB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang memegang tampuk pemerintahan kerajaan negeri ini yang lebih dikenali dengan kerajaan BN3.

Satu lagi parti iaitu Parti Ransa Dayak Sarawak (PRDS) telah bertindak menjadi parti pembangkang di negeri ini dan semasa pilihanraya-pilihanraya umum dan negeri yang lalu, PRDS menentang BN negeri.

Perdana Menteri berkata bagaimana cara BN3 dan PRDS menyelesaikan masalah mereka itu adalah soal lain. -- lagi

♥22/05/18-38MST

CNS7084

UJ PR 22-05 00130 NA948

aah

Mahathir-PRDS 2 Kuching !!!

Pernah ada laporan sebelum ini yang menyebut BN3 dan PRDS akan berbaik-baik tetapi masing-masing akan hanya berbuat demikian jika salah satu mempunyai niat yang jujur dalam membangunkan Sarawak demi semua kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa ada harapan untuk kedua-dua itu berbaik-baik tetapi jika mereka tidak boleh bekerjasama hendaklah mereka mencuba mengurangkan sebarang pertikaian yang ada demi kebaikan penduduk negeri ini.

Mengenai UMNO, Perdana Menteri berkata UMNO tidak berniat masuk ke Sarawak kerana keadaan politik di negeri ini stabil dan banyak kepentingan yang menjadi tumpuan UMNO telah diambil perhatian oleh parti-parti BN.

Katanya hubungan UMNO dengan parti-parti BN dari negeri ini adalah rapat dan oleh itu ia tidak perlu datang ke sini.-- Bernama

♥22/05/18-38MST